



## SIARAN AKHBAR

### PROTECTING MINORITY INVESTOR'S REFORM Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), pada hari ini, 28 Sya'ban 1438H bersamaan dengan 25 Mei 2017M telah mengadakan satu siaran media mengenai dengan Perlindungan Pelabur Minoriti atau *Protecting Minority Investor's Reform*.
2. AMBD, yang diwakili oleh Awang Yusof bin Haji Abd Rahman, Pengarah Urusan AMBD, mengumumkan bahawa AMBD dengan kerjasama Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN) Kementerian Kewangan, telah memperkenalkan pindaan urus tadbir korporat termasuklah pindaan kepada Akta Syarikat-Syarikat dan urus tadbir korporat yang mandatori, untuk meningkatkan perlindungan kepada pelabur-pelabur minoriti
3. *Protecting Minority Investors (PMI)* adalah salah satu daripada petunjuk bagi *World Bank's Ease of Doing Business* untuk mengukur kekuatan perlindungan pelabur minoriti terhadap penyalahgunaan asset korporat oleh pengarah-pengarah syarikat bagi keuntungan peribadi ataupun dari segi hak pemegang saham, perlindungan tadbir urus, dan keperluan *corporate transparency* bagi mengurangkan risiko penyalahgunaan.
4. AMBD dan ROCBN telah bekerjasama dengan Darussalam Assets Sdn. Bhd. (DA), dan wakil-wakil daripada *Brunei Law Society* untuk meneliti isu-isu yang berkaitan, termasuk Akta Syarikat-Syarikat, untuk meningkatkan perlindungan yang sedia ada kepada pemegang saham minoriti. Hasil daripada analisis ini, AMBD dan ROCBN telah membuat pemindaan kepada Akta Syarikat-Syarikat bagi perkara-perkara berikut;
  - a. Bagi memastikan hak-hak asas tertentu dicatat secara jelas dalam Akta Syarikat sebagai hak mutlak yang tidak boleh dihadkan oleh perlembagaan syarikat. Sebagai contoh, hak untuk menghadiri dan mengundi dalam mesyuarat agung bagi semua pemegang saham, memanjangkan tempoh masa bagi notis mesyuarat agung kepada pemegang saham, dan mengurangkan had pemegang saham;
  - b. Beberapa perkara yang telah dikenalpasti akan ditetapkan untuk kelulusan pemegang saham, dan bukannya kelulusan lembaga sahaja. Sebagai contoh, kuasa untuk pengeluaran saham, melupuskan aset-aset syarikat, dan menetapkan pembayaran bagi pengarah-pengarah;
  - c. Memasukkan peruntukan yang melindungi pelabur minoriti daripada penindasan, keputusan yang tidak adil atau diskriminasi dan memberi Mahkamah hak untuk menerima aduan mengenainya; dan
  - d. Memasukkan peruntukan yang membolehkan pemegang saham untuk membuat tindakan pada nama syarikat apabila terdapatnya kesalahan, di mana pihak pengurusan syarikat juga boleh untuk tidak mengambil tindakan.

5. Sehubungan dengan ini, AMBD telah mengadakan sebuah bengkel pada 22 Mei 2017 bagi pemberigaan pindaan terhadap Akta Syarikat-Syarikat kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Bengkel ini telah dihadiri oleh beberapa wakil-wakil dari pihak ROCBN, agensi-agensi Kerajaan dan syarikat-syarikat yang berkaitan
6. Pelaksanaan inisiatif ini diharap akan meningkatkan lagi kedudukan Negara Brunei Darussalam dalam *World Bank Ease Of Doing Business Ranking*, dengan sokongan daripada Unit PENGGERAK, Jabatan Perdana Menteri, dan Jawatankuasa Pandu *Ease of Doing Business* (EODB). Brunei Darussalam kini menduduki 102 di kalangan 190 ekonomi dalam petunjuk PMI di dalam *Ease of Doing Business World Bank Ranking*. Ini adalah merupakan peningkatan sebanyak 16 anak tangga dari laporan tahun lepas.
7. Bagi maklumat lanjut mengenai dengan *Protecting Minority Investor's Reform* ini, orang ramai boleh memuat turun AMBD App melalui 'App Store' dan 'Google Playstore'; atau melayari laman web AMBD di <http://www.ambd.gov.bn>.

**Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 25 Sya'ban 1438H / 22 Mei 2017M

Rujukan: AMBD/COMMS/3